

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Kluster Benteng LD catat pertambahan dua kes semalam

Bayi setahun mangsa baharu

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Seorang bayi lelaki berusia setahun antara dua kes positif Covid-19 dalam Kluster Benteng LD di Sabah yang kini telah menjangkiti generasi ketiga.

Bayi yang merupakan kes ke-9,396 adalah anak saudara kepada satu lagi kes baharu iaitu kes ke-9,395 membabitkan seorang lelaki berusia 45 tahun daripada generasi kedua.

Dua kes itu antara enam kes positif Covid-19 yang direkodkan semalam sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes dalam negara mencecah 9,397 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berusia 45 tahun itu merupakan kontak rapat kepada kes ke-9,351 yang dilaporkan positif pada 1 September lalu membabitkan seorang lelaki warganegara berusia 43 tahun.

"Mangsa bergejala pada 1 September lalu dan dimasukkan ke Hospital Tawau pada 2 September sebelum dikesan positif semalam (kelmarin) serta terus dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk mendapat

Mangsa bayi lelaki itu pula dikesan positif pada 5 September lalu dan dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan."

rawatan lanjut.

"Mangsa bayi lelaki itu pula dikesan positif pada 5 September lalu dan dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, setakat ini seramai 776 orang telah disaring di Lahad Datu dan Tawau, Sabah dalam kluster tersebut menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 16 kes, manakala seramai 280 orang lagi masih menunggu keputusan.

"Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat telah dijalankan," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, satu lagi kes penularan tempatan di Pulau Pinang adalah kes jangkitan pernafasan



NOOR HISHAM

akut teruk (SARI) yang dikesan di sebuah pusat perubatan dan kini sedang mendapat rawatan di Hospital Pulau Pinang.

"Baki tiga kes daripada enam kes baharu hari ini (semalam) adalah kes import yang dikesan di Kuala Lumpur membabitkan warga asing yang mendapat jang-

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	6
Import: 3 Tempatan: 3	
• Pulih	2
• Kematian	0
• Masih dirawat	154
• Jumlah kes sembuh	9,115
• Jumlah Kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	9,397

kitan dari Indonesia dan Bangladesh," katanya.

Noor Hisham menasihatkan orang ramai supaya terus mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditekankan kerajaan.

"Golongan berisiko seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) perlu dilindungi dengan mengamalkan pematuhan SOP yang tinggi," katanya.

Frontliners perlu sentiasa berwaspada

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan mengingatkan anggota barisan hadapan agar sentiasa berwaspada terhadap cabaran dalam mencegah penularan Covid-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, anggota barisan hadapan sama ada sektor kesihatan dan keselamatan supaya sentiasa bersedia dalam usaha mencegah penularan penyakit berjangkit tanpa mengira individu, tempat dan masa.

"Garis panduan dan tatacara yang ditetapkan hendaklah sentiasa dipatuhi sama ada semasa menguruskan kes positif Covid-19 secara langsung atau tidak langsung.

"Ini termasuk kerap mencuci tangan, pemakaian pelitup muka, personal protective equipment (PPE) yang bersesuaian dan penjarakan fizikal iaitu termasuk juga di tempat guna sama," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, kejayaan negara dalam menangani pandemik Covid-19 pasca gelombang kedua ini terletak kepada kepatuhan



ANGGOTA barisan hadapan diminta mengamalkan garis panduan dan tatacara yang ditetapkan semasa menguruskan kes positif Covid-19 secara langsung atau tidak langsung. – SHAHIR NOORDIN

anggota kesihatan dan keselamatan kepada garis panduan dan tatacara serta rakyat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan.

Dalam pada itu, Kementerian

Kesihatan dalam satu kenyataan berkata, kematian paling muda dicatatkan di negara ini ialah melibatkan individu berusia 23 tahun, manakala yang paling berumur ialah 101 tahun.

"Sebanyak 128 kes kematian dicatatkan di Malaysia setakat 5 September lalu. Sebahagian besar kematian adalah mereka yang mempunyai sejarah penyakit kronik," ujarnya.